

1,000 rumah dilanda banjir kilat

BH 17/11/2006

Oleh Junita Mat Rasid

MUAR: Hampir 1,000 rumah dan kedai di Jalan Payamas, Tangkak, dimasuki air sehingga paras 0.5 meter dalam kejadian banjir kilat selepas hujan lebat, di sini, lewat petang kelmarin.

Banjir kilat berlaku akibat hujan lebat kira-kira dua jam mulai jam 3 petang kelmarin membabitkan kawasan sekitar Taman Payamas, Taman Happy, Taman kedua, Taman Sentosa, Kampung Baru dan Kampung Padang Lalang.

Tinjauan Berita Harian mendapati turut dinaiki air ialah Sekolah Kebangsaan Sri Tangkak, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Chi Ming 2, Pejabat Pos Tangkak dan Klinik Kesihatan Payamas.

Selain itu berpuluh-puluh kedai sepanjang kira-kira 200 meter di Jalan Payamas sehingga ke persimpangan Jalan Hospital, turut dimasuki air hujan.

Bagaimanapun keadaan banjir kilat mulai surut kira-kira jam 7 petang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tangkak, Datuk Yap Chik Dong, berkata walaupun banjir kilat itu hanya berlaku kira-kira setengah jam, ia menyebabkan banyak rumah dan kedai dimasuki air dan mengotorkan kawasan terbabit.

Katanya, sebelum ini kawasan bandar Tangkak itu tidak pernah dilanda banjir kilat seteruk keja-



TAK SEMPAT ALIH: Beberapa motosikal digenangi air selepas dilanda banjir kilat di Jalan Paya Mas, Tangkak, kelmarin.

dian kelmarin.

Beliau berkata, banjir kilat itu dipercayai berlaku akibat parit di kawasan itu yang sudah lama sejak 1950-an dan tidak pernah dinaik taraf sehingga menyebabkan ia tersumbat dan tidak dapat menampung limpahan air hujan.

han air hujan.

"Air dari Kampung Payamas dan Gunung Ledang mengalir ke longkang kecil yang tidak dapat pernah dinaik taraf sejak dahulu lain, selain ia juga tersumbat dan dipenuhi sampah sarap dan pasir.

"Jika parit itu tidak diperbaiki dengan segera, penduduk bandar Tangkak akan terus dilanda kebimbangan kemungkinan akan berlaku lagi banjir kilat setiap kali hujan lebat," katanya ketika ditemui selepas melawat kawasan banjir kilat itu.